

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 89/90**

**Mac/April 1990**

**EBB 208/2 - Dinamik Gunaan**

**Masa: [2 jam]**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

**Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi ENAM (6) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.**

**Kertas soalan ini mengandungi ENAM (6) soalan semuanya.**


**Sila jawab mana-mana (4) EMPAT soalan.**

**Semua jawapan mesti dimulakan pada mukasurat baru.**

**Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.**


1. a) Lengkapkan persamaan kebezaan bagi gerakan dan dapatkan ungkapan untuk frekuensi tabii (natural frequency) bagi setiap sistem-sistem di bawah:-

- i) Suatu sistem pegas-jisim di susun di atas satu satah condong.  
(Rajah 1)



Rajah 1: Sistem pegas-jisim


- ii) Sistem kilasan seperti ditunjukkan dalam rajah 2



Rajah 2: Sistem kilasan


Dua bahagian aci mempunyai bahan yang sama dengan ketegaran modulus G. Abaikan inersia aci.

- iii) Pegas terkawal bandul mudah. (Rajah 3)



Rajah 3: Pegas terkawal bandul mudah.


- iv) Suatu cahaya dan loceng tuil berengkol kaku (stiff bell crank level mounted) seperti ditunjukkan dalam rajah 4



Rajah 4: Cahaya dan loceng tuil berengkol kaku.

(70 markah)

- b) Satu jisim 20 kg digantung dari sistem satu pegas (spring) seperti ditunjukkan dalam rajah 5. Tentukan frekuensi tabii bagi sistem,  $f_n$ .




Rajah 5

(30 markah)

2. a) Lengkapkan persamaan kebezaan untuk gerakan bagi sistem yang ditunjukkan di dalam rajah 6, dengan andaian bahawa rod adalah ringan dan kaku, dan dapatkan ungkapan untuk

- i) pekali redaman genting  $c_C$ .
- ii) frekuensi getaran bebas teredam ( $\omega_d$ )



Rajah 6

(60 markah)

- b) Satu jisim 3.174 kg disokong oleh satu pegas mempunyai kekakuan 700 N/m dan sebuah daspot mempunyai pekali redaman 14.18 N.s/m. Tuliskan persamaan yang mempengaruhi gerakan jisim itu.

(40 markah)


3. Sebuah mesin mempunyai jisim sebanyak 90 kg dan tertindak oleh satu daya harmonik  $35N$  pada frekuensi tabii tak-teredam  $130$  kitaran per minit. Pekali redaman C bagi sistem ialah  $85\text{ N.s/m}$ . Tentukan

- a) kekakuan total pegas sokongan
- b) amplitud gerakan
- c) kebolehpindahan (transmissibility) dan
- d) daya yang dipindahkan (transmitted).

(100 markah)

...5/-

4. Di dalam gear episiklik ditunjuk dalam rajah 7. Pinian B dan roda dalam E dan F di cagakkan dengan bebas di atas pengumpar O, manakala C dan D membentuk roda majmuk yang berputar atas pin P terletak pada lengan A. Roda-roda B, C, dan D mempunyai 15, 30, dan 25 gigi dengan kesemuanya mempunyai pic yang sama.
- a) jika roda E tetap, apakah nisbah halaju bagi F terhadap B?  
b) jika roda B tetap, apakah nisbah-nisbah halaju E dan F terhadap A.



Rajah 7

(100 markah)

5. Empat engkol yang mempunyai suatu balingan 50 mm dan dinomborkan 1 hingga 4

Engkol 1 menanggung jisim 20 kg.

Engkol 2 menanggung jisim 12.5 kg.

Engkol 3 menanggung jisim 100 kg.


Engkol 4 menanggung jisim m kg.

Jarak bukaan di antara engkol pertama dengan kedua ialah 125 mm, engkol kedua dengan ketiga 100 mm, engkol ketiga dengan keempat ialah 50 mm. Cari nilai M dan kedudukan sudut relatif jisim-jisim tersebut untuk memberi keseimbangan dinamik.

(100 markah)

6. Sebuah mekanisme enjin seperti rajah 6, engkol AB = 100 mm dan rod penyambung BC = 300 mm dengan pusat jisim, G, 100 mm dari B. Dalam kedudukan yang ditunjukkan, engkol AB berputar dengan seragam dalam satu arah mengikut jam pada satu kelajuan 78.5 rad/s. Cari halaju dan pecutan G, serta halaju sudut, dan pecutan sudut CB.

(100 markah)



Rajah 8

- oooOooo -